

11 JAN 2003

Abdullah-Kemahiran

GUNA SEPENUHNYA SISTEM PENGAJARAN BARU, ABDULLAH NASIHAT PELATIH

SHAH ALAM, 11 Jan (Bernama) -- Para pelatih institut latihan kemahiran diminta menggunakan sistem dan alat kemudahan pengajaran yang baru dan canggih yang disediakan kerajaan dengan sebaik-baiknya bagi memastikan mereka menjadi tenaga kerja yang bersedia menyumbang dalam meningkatkan daya saing negara.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi semasa membuat gesaan itu berkata dengan kemunculan tenaga kerja generasi baru yang terlatih, mahir dan berpengalaman ini boleh membantu negara membangunkan industri baru yang lebih canggih.

"Kita sudah mula bangunkan industri guna teknologi yang canggih, maka negara perlu tenaga kerja yang lebih terlatih, mahir dan berpengalaman," katanya semasa merasmikan secara serentak empat pusat Latihan Teknologi Tinggi (Adtec) dan lima institut Latihan Perindustrian (ILP) Jabatan Tenaga Rakyat, di sini hari ini.

Beliau berkata penggunaan kemudahan alat-alat pengajaran yang canggih dan lebih berkualiti ini membolehkan para pelatih institut kemahiran mendapat pendedahan kepada alam pekerjaan yang sebenar masa kini.

Katanya dengan pengalaman dan latihan yang terbaik diterima semasa latihan, pelatih akan lebih bersedia untuk menyumbang kepada produktiviti dan hasil kerja yang lebih tinggi dan dapat meningkatkan lagi daya saing negara apabila berada dalam alam pekerjaan.

Abdullah berkata kerajaan membelanjakan wang yang banyak untuk membangunkan sistem pengajaran dan menyediakan alat, perkakasan dan mesin yang canggih di institut latihan supaya para pelatih mengambil kesempatan untuk belajar bersungguh-sungguh dan menguasai sepenuhnya bidang yang mereka ceburi.

Beliau berkata selaras dengan perkembangan terkini, corak permintaan untuk tenaga manusia akan terus berubah ke arah teknologi tinggi dan industri berasaskan sains seperti, bidang komunikasi, teknologi dan maklumat serta bioteknologi.

"Umpamanya, kecanggihan dalam proses pengeluaran akan memerlukan 137,200 jurutera dan 331,700 pembantu jurutera yang terlatih dalam bidang elektrik dan elektronik, kimia, mekanikal, ICT dan teknologi lain hingga tahun 2010," katanya.

Beliau turut menggesa pihak swasta memainkan peranan dalam melengkapkan sistem latihan pelatih dengan menyediakan latihan amali industri secara efektif.

Ini amat penting, katanya, kerana skim latihan vokasional negara masih terlalu berorientasikan institusi iaitu pelajar menggunakan banyak masa di institut latihan kemahiran yang perlu diubah kepada struktur latihan kemahiran yang lebih berorientasikan industri.

"Struktur baru ini lebih berasaskan konsep perantisan seperti yang diamalkan negara-negara maju seperti di Jerman," katanya sambil menarik perhatian bahawa struktur latihan kemahiran itu melibatkan perbelanjaan yang amat tinggi.

Abdullah juga berkata sistem pengajaran baru seperti e-latihan yang diperkenalkan di institut latihan kemahiran melengkapkan penekanan kerajaan kepada penghasilan golongan k-pekerja.

"Apa yang saya takrifkan sebagai k-pekerja ialah pekerja yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran serta sistem nilai dan budaya yang cemerlang dan utamakan cara bekerja yang bermutu tinggi dan menghasilkan produktiviti

tinggi," katanya.

Beliau berkata Kementerian Sumber Manusia telah membangunkan 20 buah institut latihan kemahiran di bawah Rancangan Malaysia ke-7 (RMK7) dan bilangan ini akan ditambah apabila kesemua institut yang dirancang dalam RMK8 siap dibina.

"Saya dimaklumkan institut-institut itu akan menawarkan 33 kursus di peringkat sijil dan 20 kursus di peringkat diploma, manakala 14,141 orang pelajar di peringkat sijil dan diploma telah dikeluarkan sepanjang tempoh RMK7," katanya.

Pusat latihan Adtec yang dilancarkan hari ini terletak di Shah Alam, Selangor, Adtec Mahang di Kulim Kedah, Adtec Batu Pahat, Johor dan Adtec Taboh Naning, Melaka.

Lima ILP Jabatan Tenaga Rakyat yang terlibat pula ialah di Muar, Johor; Pedas, Negeri Sembilan; Kangar, Perlis; Kota Kinabalu, Sabah; dan Kota Samarahan, Sarawak.

Pada majlis pelancaran itu, satu sidang video diadakan oleh Abdullah dengan Menteri Besar Johor Datuk Abdul Ghani Othman yang berada di Adtec Batu Pahat dan disaksikan Menteri Sumber Manusia Datuk Dr Fong Chan Onn, Menteri Besar Selangor Datuk Seri Dr Mohamad Khir Toyo dan Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Samsuddin Osman.

-- BERNAMA

RIZ RON